

# Meriam Si Jaguh Melaka di Indonesia

Melaka merupakan asas kepada penubuhan negara ini sememangnya kaya dengan warisan sejarah dan juga budaya tetapi masih lagi kekurangan banyak bahan atau artifak yang berharga.

S.H 28/07/08 MIS 14

ISHAK MOHAMED SALLEH

**SHAH ALAM** - Pengisytiharan Bandaraya Melaka sebagai Tapak Warisan Dunia bersama Pulau Pinang oleh Pertubuhan Pendidikan, Sainifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) akan memperkayakan lagi khazanah tinggalan silam.

Melaka yang merupakan asas kepada penubuhan negara ini sememangnya kaya dengan warisan sejarah dan juga budaya tetapi masih lagi kekurangan banyak bahan atau artifak yang berharga, ini kerana khazanah tersebut sama ada telah dibawa lari oleh penjajah atau tertimbus di dalam tanah dan kemungkinan juga tenggelam di perairan semasa dibawa lari oleh penjajah.

Portugis tewas di Melaka oleh Belanda pada 14 Januari 1641, Belanda yang menawan Melaka dari tahun 1641 - 1795 telah membawa khazanah Melaka ke Betawi. Gabenor Portugis, Manuel de Souza Couthinho menyerah kalah kepada Kapten Minne Williamson Kaartokoe.

Salah satu khazanah yang bernilai yang dibawa lari ialah sebuah meriam yang dikenali sebagai Si Jaguh. Meriam tersebut kini ditempatkan di Muzium Sejarah Jakarta. Meriam Si Jagur seberat 3.5 ton dengan panjang 3.85 meter dan diameter laras 25 sentimeter telah dibawa oleh Belanda dari Melaka pada 1641.

Di atas meriam tersebut tercatat perkataan di dalam bahasa Portugis iaitu "Ex me ipsa renata sum" yang bermaksud (Saya lahir dari diri sendiri) dan angka dalam bahasa Latin yang tertera X + I + V = XVI, bererti meriam



Kompleks baru Makam Sultan Mahmud Syah di Kamar, Pekanbaru, Indonesia.

Muzium Sejarah Jakarta yang terletak di kawasan Roa Malaka mempunyai banyak kesan dan persamaan dengan Melaka.

seperti Perkampungan Portugis di Ujong Pasir, Melaka.

Bangunan-bangunan yang dibina oleh Belanda di kawasan Roa Malaka seperti tokoh tua yang mempunyai persamaan dengan Bastion House di Melaka. Bangunan Schowburg mempunyai persamaan dengan bekas Kediaman Tuan Yang Terutama.

Selain daripada di Jakarta, kawasan-kawasan lain di Indonesia seperti di Sumatera terdapat Makam Sultan Mahmud Syah iaitu Sultan Melaka yang terakhir di Kamar



mengembalikan keagungan Melaka

Hikayat Hang

ibawala lari penjajah.

Bagaimanapun, sekiranya dikaji dan dilakukan penyelidikan, banyak bahan yang bernilai itu boleh dicari bukan sahaja di negara ini tetapi juga di negara-negara jiran termasuk Indonesia, Singapura, Thailand dan juga Belanda.

Sebuah kawasan bekas tinggalan penjajah di Jakarta iaitu di Kota Batavia tersimpan khazanah sejarah dan warisan dari Melaka. Kawasan tersebut dikenali sebagai Roa Melaka atau Rawa Melaka, namanya juga sudah cukup untuk menggambarkan hubungan Melaka dengan Betawai.

Melaka dan Jakarta secara tidak langsung telah mencatatkan satu hubungan selain daripada perjanjian Inggeris-Belanda di mana Melaka yang diperintah oleh Belanda dan Bencoolen yang diperintah oleh Inggeris ditukar melalui perjanjian Melaka - Bencoolen 1824.

Secara khususnya, selepas



Meriam Si Jaguh yang berasal dari Melaka dan dibawa lari oleh Belanda kini ditempatkan di Muzium Sejarah Jakarta.

tertera X + - V = XVI, bererti meriam itu diperbuat daripada 16 meriam berukuran lebih kecil yang dileburkan untuk menciptakan "Si Jagur".

Bagaimanapun pada bahagian belakang meriam tersebut menunjukkan satu lambang yang agak lucu iaitu ibu jari yang dikepit dengan jari telunjuk dan jari hantu). Meriam itu dibuat oleh M.T. Bocarro di Macao (China) dan ditempatkan di Melaka untuk benteng pertahanan Portugis di Melaka.

Sebelum meriam tersebut ditempatkan di Muzium Sejarah Jakarta atau Muzium Fatahillah, ia pernah ditempatkan di Jambatan Kota Intan sebelum dipindahkan ke Muzium Nasional (Muzium Gajah). Pada tahun 1968, ia dipindahkan lagi ke Muzium Wayang dan pada 1974 dipindahkan ke Taman Fatahillah, di hadapan muzium Fatahillah. Kini dipindahkan lagi ke dalam Muzium Sejarah Jakarta.

Selain daripada itu di Jakarta khususnya di kawasan Mangga Dua juga terdapat banyak persamaan dengan Melaka termasuk sebuah perkampungan masyarakat Portugis di Tugu

Melaka yang terakhir di Kampar, Pekanbaru selain Makam Raja Ali Haji iaitu pahlawan Bugis yang tewas di Teluk Mas, Melaka semasa berusaha membantu membebaskan Melaka dari penjajahan kini terdapat di Tanjung Pinang, Riau.

Rombongan Kelab Media Massa Melaka (KEMM) telah menjejaki tapak-tapak sejarah tersebut dan kini sedang merancang untuk mencari lebih banyak kaitan sejarah Melaka dengan negara-negara luar, khususnya Indonesia.

Sempena dengan pengisytiharan Melaka sebagai Tapak Warisan Dunia oleh UNESCO, Melaka boleh mencungkil lagi banyak khazanah sejarah di samping membuat pengkajian serta mencari penemuan baru yang mampu

mengembalikan keagungan Melaka semasa zaman kehebatan Empayar Kesultanan Melayu Melaka.

Malah Tome Pires dalam bukunya Suma Oriental pernah mencatatkan Melaka sebagai 'Venice Of The East' dan Melaka pernah terkenal sebagai 'lingua franca' di mana sebanyak 84 bahasa pernah dipertuturkan di Melaka.

Usaha mengambil semula khazanah itu boleh dilakukan termasuk membuat replika dan di tempat di Melaka untuk memperlihatkan Melaka yang kaya dengan warisan sejarah silam sesuai dengan kedudukannya sebagai Bandaraya Bersejarah dan kini sebagai Tapak Warisan Dunia.

Selain daripada itu, pada 2005, UNESCO juga telah mengiktiraf

Hikayat Hang

Tuah dan Sejarah Melayu sebagai dokumen warisan dunia boleh memperkukuhkan lagi kedudukan Melaka sebagai bandar warisan.

Sekiranya usaha-usaha untuk membawa balik khazanah itu dapat dilakukan, sudah pasti ia akan memperhebatkan lagi kedudukan Melaka sebagai Tapak Warisan Dunia kerana Melaka telah mencatatkan sejarah gemilangnya sebagai tempat pertemuan pedagang dari timur dan barat.

Tidak silap lagi moto yang pernah digunakan oleh Melaka iaitu Melaka Di Mana Segalanya Bermula dan Melawat Melaka Bersejarah Bererti Melawat Malaysia memang bertepatan sekali untuk Melaka.



Rombongan Kelab Media Melaka yang melakukan lawatan ke Makam Raja Ali Haji yang tewas di Teluk Mas, Melaka semasa menentang penjajah.